

13 AUG 2000

Mahathir-Kehakiman

TIDAK PATUT TUDUH SISTEM KEHAKIMAN M'SIA TIDAK BAIK, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 13 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata negara lain tidak patut membuat tuduhan kononnya sistem kehakiman negara ini tidak baik.

"Amerika juga sama...kita tengok dahulu orang kulit hitam dipukul setengah mati...hakim mereka membebaskan anggota polis yang menyiksa orang. ..begitu juga di New York," kata beliau pada persidangan media selepas menutup kejohanan badminton Piala Perdana 2000 di sini.

Dr Mahathir mengulas laporan mengenai langkah Malaysia menghantar nota bantahan kepada negara-negara yang mengkritik sistem kehakiman negara berhubung keputusan perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap tuduhan meliwat.

Perdana Menteri berkata, mereka (negara-negara yang membuat kritikan terhadap sistem kehakiman Malaysia) juga tidak mengambil kira kedaulatan negara lain.

Sebagai contoh, Dr Mahathir menarik perhatian kepada tindakan mereka menangkap Presiden Panama (Noriega) dan membawa balik untuk dibicarakan di bawah undang-undang mereka.

"(Ini) tidak pernah dibuat oleh mana-mana negara di dunia," katanya.

"Kalau kita boleh tangkap orang di negara lain...balik bicara di negara kita...mungkin dia juga salah ikut undang-undang kita," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, langkah Malaysia membuat bantahan itu tidak akan menjejaskan kerajaan negara ini.

Bagaimanapun, "kita tahulah siapa kawan, siapa lawan," katanya.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai cadangan sebuah syarikat swasta untuk membina kereta kabel di Gunung Matcincang, dekat pusat membeli-belah bersepadu, Oriental Village, di sini, beliau berkata kerajaan belum membuat keputusan mengenai perkara itu.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan memberi pertimbangan terhadap projek itu jika harga yang dicadangkan berpatutan.

Projek yang dianggarkan RM60 juta itu sedang dalam peringkat kajian dan rekabentuk oleh Wyss Planning Consultant yang dilantik oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada).

-- BERNAMA

AHM FAZ